

**SOALAN-SOALAN LISAN**

**PERSIDANGAN KEEMPAT**  
**MESYUARAT KEDUA, TAHUN KEEMPAT**  
**DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS**  
**PERAK DARUL RIDZUAN**  
**PADA HARI RABU, 15 DISEMBER 2021**

---

**1. YB DATO' HAJI ASMUNI BIN AWI ( MANJOI )**

Di dalam DUN Manjoi terdapat 12 bekas lombong terbiar tanpa dimajukan sedangkan ia boleh dijadikan sebagai sumber untuk menjana pelbagai ekonomi penduduk setempat samada secara individu atau secara berkelompok. Sila nyatakan secara spesifik samada kerajaan mempunyai perancangan ataupun ‘blueprint’ untuk memajukan lombong-lombong tersebut khususnya di bidang pertanian/perikanan?

**2. YB ENCIK MOHAMAD NOOR BIN DAWOO ( SELINSING )**

Apakah usaha atau inisiatif Kerajaan Negeri Perak dalam memperkasakan dasar pembangunan sukan orang kurang upaya (OKU) bagi memastikan golongan ini mendapat persamaan hak dan peluang dalam bidang sukan khususnya dalam acara sukan paralimpik

**3. YB DR JURIJ BIN JALALUDIN ( LUBOK MERBAU )**

Kerajaan Perak Prihatin dengan rakyatnya dan telah menghulurkan banyak bantuan untuk rakyat negeri Perak.

- (a) Nyatakan jumlah penerima bantuan Kad Prihatin mengikut Daerah dalam negeri Perak.
- (b) Nyatakan jumlah Bantuan Skim Tabarruq mengikut Daerah dalam negeri Perak.
- (c) Adakah Bantuan Kad Prihatin Dan Skim Tabarruq akan diteruskan untuk tahun hadapan

**4. YDH TOH SYAHBANDAR ULU, YB DATO' YB DATO' MOHD. TARMIZI BIN HAJI IDRIS ( KENERING )**

Isu banjir di Gerik dan kawasan Dewan Undangan Negeri yang saya wakili berterusan sehingga kini. Tambatan banjir Gerik yang diusahakan sejak sekian lama masih belum menampakkan sinar penyelesaiannya.

- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi menangani permasalahan ini dalam tempoh terdekat dan jangka masa panjang?
- (b) Sungai Kenering dan Sungai Temelong juga memberikan kesan banjir yang cukup besar dengan melibatkan beberapa kampung dalam kawasan Dewan Undangan saya. Apakah langkah-langkah yang diambil pada masa kini dalam menanganinya.
- (c) Sekolah Kebangsaan Kenering dan Sekolah Kebangsaan Kenayat antara yang terlibat banjir setiap kali musim tengkujuh. Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri bagi cadangan bina baru bangunan ditapak yang lebih strategik

**5. YB ENCIK MUHAMAD ARAFAT BIN VARISAI MAHAMAD ( HULU KINTA )**

Bagi pembangunan sektor pertanian di Perak , Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM 58.5 Juta pada tahun 2021 dan meletakkan sasaran untuk membekalkan keperluan import negara

- (1) Nyatakan peratusan peningkatan pengeluaran agromakanan dari negeri bagi tahun 2021 berbanding tahun 2020 untuk memenuhi permintaan tempatan hasil usaha kerajaan
- (2) Adakah sasaran kerajaan untuk membekalkan sepuluh peratus daripada keperluan import negara tercapai ?
- (3) Huraikan langkah-langkah yang telah diambil kerajaan untuk melonjakkan ekonomi sektor pertanian dalam negeri

## **6. YB CIK NG SHY CHING ( TEJA )**

Geopark Lembah Kinta

- (a) Apakah usaha pemeliharaan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh kerajaan negeri di geotapak yang telah dikenalpasti?
- (b) Apakah usaha kerajaan negeri dalam menggalakkan lebih banyak kajian mengenai artifak sejarah, lukisan purba, peninggalan fosil di gua-gua dalam kawasan Geopark Lembah Kinta?
- (c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menggubal dasar sedia ada bagi memantapkan perundangan berkaitan pengurusan dan pemeliharaan sumber warisan geologi dalam geopark?

## **7. YB ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM ( SUNGKAI )**

Berkaitan dengan suntikan Vaksin Covid -19.

Soalan.

- (i) Berapakah Kakitangan Kerajaan Persekutuan dan Kakitangan Kerajaan Negeri yang enggan atau belum menerima suntikan Vaksin Covid -19?
- (ii) Apakah alasan mereka untuk tidak atau enggan menerima suntikan Vaksin Covid-19?
- (iii) Apakah jenis tindakan yang telah atau dicadang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri terhadap golongan ini?

## **8. YB ENCIK YONG CHOO KIONG ( TRONOH )**

Pemberian vaksin Dos Penggalak ( Booster Dose) bagi individual yang telah menerima vaksin Sinovac telah diumumkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan akan dimulakan dengan

individual berumur 60 tahun keatas. Soalan saya :-

- (i) Di DUN Tronoh, berapa lamakah jangka masa yang perlu diambil untuk melengkapkan pemberian dos penggalak ini kepada penerima yang berumur 60 tahun keatas
- (ii) Bagi Individu yang bekerja, bolehkah diberi keutamaan untuk mendapatkan dos penggalak terlebih dahulu memandangkan mereka ini sering berdepan dengan risiko jangkitan

**9. YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR  
( PANGKOR )**

Kenapakah pembinaan SJK (T) Pangkor yang dicadangkan awalnya mempunyai padang, tetapi tidak memasuki nya dalam pelan pembinaan terakhir?

**10. YB ENCIK HOWARD LEE CHUAN HOW ( PASIR PINJI )**

Terdapat banyak infrastruktur pasar awam di dalam negeri Perak yang berada dalam keadaan yang kurang baik. Namun begitu, wang peruntukan untuk penyelenggaraan pasar awam oleh PBT-PBT adalah sangat terhad. Adakah pihak kerajaan negeri Perak mempunyai hasrat untuk memberi peruntukan tambahan untuk kerja-kerja baik pulih semua pasar awam di dalam negeri, termasuk pasar-pasar awam yang di bawah kerusi pembangkang, untuk menjaga imej negeri Perak?

**11. YB DATO' HAJI AZNEL BIN HAJI IBRAHIM ( PENGKALAN HULU )**

- (a) Berapakah jumlah peruntukan JPS yang telah di salurkan ke kawasan DUN Pengkalan Hulu bagi tahun 2021?
- (b) Adakah terdapat bajet tambahan yang akan di peruntukkan ke pada pihak JPS dalam menyelesaikan permasalahan banjir kilat yang kerap berlaku di Pengkalan Hulu apabila berlakunya hujan lebat?

## **12. YB ENCIK MASLIN SHAM BIN RAZMAN ( BUKIT CHANDAN )**

Apakah perancangan Kerajaan bagi meningkatkan kebersihan dan kecerian di bandar-bandar dengan lebih baik dan berkesan lagi?

## **13. YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI ( BEHRANG )**

Buku Senarai Asset Kerajaan di Dalam Daerah Muallim

1. Adakah pihak Jabatan Kewangan Negeri Perak menyediakan dan menyimpan sebarang rekod senarai asset-aset kerajaan milik negeri dan milik persekutuan bagi Daerah Muallim yang boleh diakses oleh rakyat.
2. Jika ada, bagaimanakah pendekatan pengurusan dan penyelenggaraan aset-aset tersebut dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri terutamanya aset-aset yang bersifat ‘intangible’ seperti penerima-penerima bantuan dan geran pendidikan di peringkat sarjana dan kedoktoran.
3. Nyatakan apakah pendekatan secara holistik yang telah dilakukan bagi memaksimakan manfaat aset-aset tersebut bagi mengatasi masalah pembaziran aset dan penyusutan nilai dan faedah aset-aset tersebut

## **14. YB DATO' HAJI ZAINUN BIN HAJI MAT NOOR ( CHENDEROH )**

Salah satu usaha kerajaan negeri untuk membantu penternak ialah mewujudkan padang ragut di setiap mukim. Sekiranya di selia dengan berkesan ia mampu memberi pulangan dan kemudahan kepada para penternak dan secara langsung bekalan daging dapat dipertingkatkan.

- (a) Apakah pihak kerajaan mempunyai kaedah tertentu dalam mengawal selia padang ragut dan agensi manakah yang akan dipertanggungjawabkan?
- (b) Adakah kerajaan menyedari bahawa terdapat pencerobohan berlaku di beberapa kawasan padang ragut contohnya dengan penanaman tanaman kekal seperti pokok kelapa sawit?

- (c) Adakah kerajaan bercadang untuk menukar status padang ragut kepada rancangan pertanian berkelompok bagi memaksimakan penggunaan tanah dan memberi manfaat kepada penduduk sekitar?

**15. YB DR. JURIJ BIN JALALUDIN ( LUBOK MERBAU )**

Nyatakan perlaksanaan dasar masyarakat civil 'Civil Society' dalam kalangan masyarakat di Negeri Perak.

- (a) Nyatakan ciri-ciri utama masyarakat civil.
- (b) Nyatakan salah satu contoh masyarakat civil yang terdapat dalam negeri Perak yang boleh dicontohi.
- (c) Apakah penghargaan yang diberi kepada komuniti yang mengamalkan dasar masyarakat civil dalam negeri Perak

**16. YB ENCIK YAHAYA BIN MAT NOR ( PASIR PANJANG )**

Pihak Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM2.34 bilion ke negeri Perak baru-baru ini, terutamanya apabila lima buah syarikat telah menyatakan komitmen untuk membuat pelaburan.

- (a) Bagaimana kerajaan negeri boleh berunding dengan syarikat tersebut, agar peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan dapat dipertingkatkan sekali ganda?
- (b) Senaraikan penambahbaikan kepada pakej insentif sedia ada dalam menyokong ekosistem perniagaan bagi syarikat pelaburan tersebut?
- (c) Sebutkan agensi beserta fungsinya bagi yang terlibat dalam menggalakkan pelaburan dan mempercepatkan koordinasi bantuan dari hujung ke hujung bagi semua projek negeri yang telah diluluskan?

**17. YB ENCIK TERENCE NAIDU A/L V.RAJA @ RAJA NAIDU  
( PASIR BEDAMAR )**

Berapa peratuskah kenaikan jumlah sisa pepejal domestik yang dibuang di kawasan pelupusan sampah di Teluk Intan sehari dan bilakah tempoh dijangka kawasan pelupusan tersebut akan penuh.

- i. Apakah ada perancangan kerajaan dalam Pengurusan Sisa Pepejal yang berteknologi tinggi seterusnya menerapkan Amalan Kitar semula dikalangan rakyat

\*\*\*\*\*